

BUDAYA KESOPANAN BERBAHASA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU LAMA: PELESTARIAN & PEMERKASAANNYA

Ab. Razak Ab. Karim*
MALAYSIA

SETIAP BAHASA mempunyai peraturan kesopanan dalam hubungan antara ahli-ahli anggota masyarakatnya. Kesopanan boleh dilihat sama ada melalui tingkah laku masyarakat penutur bahasa dan juga daripada aspek bahasa yang dituturkan oleh anggota masyarakat. Masyarakat Melayu memang kaya dengan pelbagai budaya yang diwarisi daripada generasi lampau untuk anggota masyarakatnya. Pelbagai bentuk budaya yang diwarisi kini dapat dilihat dalam pelbagai perkara dan salah satu daripada budaya yang diwariskan kepada generasi sekarang ialah kesopanan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Ramai tidak menyedari bahawa dalam bahasa Melayu khususnya dan amnya bagi masyarakat Melayu bahawa terdapat budaya berbahasa yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau yang kini kian terpinggir disebabkan masyarakat Melayu semakin moden sehinggakan budaya berbahasa kian dilupakan oleh generasi sekarang.

Dalam makalah ini akan dibincangkan budaya kesopanan berbahasa yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan penggunaan bahasa dalam warkah-warkah Melayu dari abad ke-18 hingga abad ke-19. Berdasarkan warkah-warkah ini akan dapat dikupas budaya kesopanan yang digunakan oleh seseorang pengirim warkah kepada penerima warkah dan juga sebaliknya. Di samping itu, budaya kesopanan ini bukan sahaja menjadi amalan

* Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Emel: abrazak@um.edu.my atau dr.jambul@gmail.com

masyarakat Melayu zaman lampau tetapi juga oleh orang asing seperti Inggeris dan Belanda yang juga akur dengan budaya kesopanan yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau dalam surat-menyurat mereka dengan pihak istana seperti sultan, raja dan juga pembesar-pembesar Melayu pada waktu itu. Bentuk-bentuk kesopanan dan pelbagai strategi yang digunakan dalam warkah-warkah Melayu akan dibincangkan sebagai bukti bahawa masyarakat lampau mempunyai budaya kesopanan dalam berbahasa.

Dalam makalah ini juga akan dibincangkan beberapa pucuk surat Melayu moden yang digunakan, terutama dalam urusan rasmi di agensi-agensi kerajaan kini sebagai perbandingan untuk memperlihatkan bahawa masyarakat kini telah menghilangkan budaya kesopanan dalam penulisan warkah mereka. unsur-unsur kesopanan yang telah hilang atau diabaikan dan tidak digunakan lagi itu akan dibincangkan. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku juga akan dihuraiakan sebagai bandingan dengan warkah-warkah Melayu lama.

1.0 PENDAHULUAN

Masyarakat Melayu memang kaya dengan pelbagai bentuk dan jenis kesopanan yang menjadi amalan masyarakat zaman lampau. Amalan ini oleh ditemui dalam pelbagai bentuk seperti dalam pantun-pantun Melayu, bentuk hikayat dan sebagainya. Salah satu daripada amalan kesopanan yang tidak disedari oleh anggota masyarakat kita ialah penggunaannya dalam surat-surat Melayu zaman lampau. Masyarakat Melayu zaman lampau memang cukup menjaga kesopanan yang mereka gunakan sewaktu menghantar sesepucuk warkah sama ada kepada pihak Barat mahupun kepada pihak-pihak berkuasa tempatan¹.

1 Kajian mendapati bahawa kebanyakan warkah kajian merupakan warkah yang dihantar kepada pihak Barat oleh raja atau pembesar sama ada pihak Belanda mahupun pihak Inggeris. Warkah antara pembesar-pembesar Melayu kurang kerana mereka tidak menyimpan warkah yang diterima. Keadaan ini ditambah dengan keadaan warkah yang mudah rosak sekiranya tidak dijaga dengan rapi.

Dalam makalah yang serba ringkas ini akan dibincangkan bentuk-bentuk kesopanan yang terdapat dalam warkah-warkah Melayu yang digunakan oleh seseorang raja atau pembesar serta orang-orang barat seperti Inggeris dan Belanda sewaktu mereka mengutus surat kepada pihak tertentu. Selain itu akan dibincangkan unsur-unsur kesopanan yang telah dipinggirkan dalam warkah-warkah kini yang digunakan dalam urusan surat-menyurat di jabatan-jabatan kerajaan dan juga pihak swasta sebagai perbandingan untuk memperlihatkan kelainan dan perubahan yang telah berlaku dari zaman lampau.

2.0 Kesopanan dalam Masyarakat Melayu

Kesopanan merupakan salah satu daripada unsur yang paling penting dalam budaya masyarakat Melayu dan orang yang tidak sopan atau diistilahkan sebagai biadab biasanya akan dipandang rendah oleh anggota masyarakat zaman lampau. Kesopanan bukan sahaja dapat dilihat dari aspek bahasa yang dituturkan oleh anggota masyarakat bahasa tetapi juga perlakuan anggota masyarakatnya. Oleh itu, kesopanan berbahasa dalam kalangan masyarakat Melayu dapat dilihat dari aspek bahasa yang digunakan dan juga perlakuan penutur bahasa Melayu itu sendiri.

Oleh yang demikian, bahasa mempunyai perkaitan yang erat dengan budaya sesebuah masyarakat. Bahasa dan budaya saling mempengaruhi antara satu sama lain dan komunikasi yang berlaku menurut norma-norma budaya dinamakan kesopanan berbahasa, etika berbahasa atau tatacara berbahasa².

3.0 Kesopanan Masyarakat Tradisional

Kesopanan dalam masyarakat Melayu tradisional merupakan sesuatu perkara yang dianggap sebagai wajib diamalkan oleh setiap anggota masyarakatnya. Kesopanan yang diamalkan bukan sahaja dapat dilihat dalam kebanyakan karya klasik tetapi

2 Konsep etika berbahasa telah diperkenalkan oleh Geertz, C. pada tahun 1976 dalam makalahnya yang bertajuk "Linguistic Etiquette".

juga dapat dilihat dalam kebanyakan warkah Melayu yang digunakan oleh masyarakat zaman lampau untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Dalam kebanyakan karya sastera, kesopanan yang tergambar agak sukar dilihat memandangkan cerita yang disampaikan bertele-tele tetapi dalam warkah-warkah Melayu kesopanan yang tergambar dengan jelas. Ini disebabkan warkah merupakan secarik kertas yang ditulis serba ringkas dan padat. Walaupun ia serba padat dan ringkas, namun kesopanan yang tergambar sememangnya terserlah dan dijaga dengan rapi penggunaannya semasa sesepucuk warkah itu dihantar kepada penerima.

Penggunaan kesopanan ini bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional tetapi juga oleh golongan pendatang, iaitu para pedagang Barat, Cina, India, dan pihak-pihak pentadbir British dan Belanda. Pendek kata amalan budaya berbahasa yang berbentuk kesopanan ini diamalkan oleh semua anggota masyarakat pada zaman itu dan menjadi sesuatu yang janggal sekiranya amalan tersebut ditinggalkan³.

3.1 Faktor-faktor Kesopanan

Apabila diperkatakan tentang kesopanan, terutama yang berkaitan dengan masyarakat Melayu lama, beberapa faktor penentu kesopanan perlu diberikan perhatian kerana inilah yang akan menentukan kesopanan berlaku dalam masyarakat. Faktor utama yang menentukan kesopanan berlaku adalah ditentukan oleh faktor **siapa, apa, di mana, mengapa, dan bagaimana****.

3 Warkah-warkah Melayu yang dimaksudkan ialah warkah-warkah sosial yang bersifat rasmi, iaitu warkah yang dikirim antara pembesar, raja atau sultan dengan pihak British atau Belanda. Warkah-warkah yang tidak rasmi atau dikenali warkah peribadi secara umumnya hanya mencatatkan perkara penting sahaja tanpa mementingkan aspek kesopanan, tetapi bilangan warkah jenis ini amat berkurangan.

** Faktor ini telah dibincangkan oleh Dell Hymes (1974).

Siapa berkaitan dengan pemeran (*participant*) yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa yang berlangsung. Berdasarkan masyarakat Melayu tradisional, warkah yang dikirim akan melibatkan pemeran seperti raja, sultan, pembesar, pihak Inggeris mahupun pihak Belanda. Oleh yang demikian, dalam sesuatu kesopanan berbahasa, pemeran yang terlibat amat penting kerana ia berkaitan dengan kesopanan yang digunakan sama ada pada kata gelaran atau sebagainya yang digunakan dalam warkah.

Apa pula berkaitan dengan persoalan atau maksud serta tujuan sesepucuk warkah itu dihantar kepada seseorang penerima. Ia mungkin berkaitan dengan hal peribadi, keadaan politik, perdagangan, peperangan, perjanjian, dan sebagainya. Sesuatu maksud atau persoalan yang dikemukakan dalam warkah berkait erat dengan kesopanan yang digunakan oleh pengirim warkah.

Di mana berkaitan dengan tempat atau latar sesuatu perbincangan ataupun peristiwa bahasa yang akan menimbulkan pelbagai perbezaan bahasa yang digunakan oleh pemeran-pemeran yang terlibat. Dalam warkah-warkah Melayu lama latar peristiwa bahasanya berkaitan dengan masyarakat Melayu lama, iaitu istana sebagai pusat ketamadunan (*centre of civilization*). Oleh yang demikian, istana merupakan tempat jurutulis menulis warkah yang ditujukan kepada seseorang yang diminta oleh sultan. Dengan ini, penggunaan bahasa beradab dan juga sopan perlu dijaga oleh jurutulis agar tidak berlaku perkara yang tidak diingini.

Mengapa pula berkaitan dengan tujuan sesepucuk warkah itu dihantar kepada penerima. Ia berkaitan dengan pelbagai perkara yang ingin disampaikan oleh seseorang pengirim sama ada hal yang berkaitan dengan masalah peribadi, perlantikan sultan, persetujuan dan sebagainya. Faktor ini banyak bergantung pada keinginan seseorang pengirim mengutus warkah kepada penerima warkah itu. Dalam banyak hal, sultan sering menghantar warkah kepada pihak British atau Belanda untuk mendapatkan pertolongan daripada serangan lanun dan sebagainya.

Bagaimana berkaitan dengan cara sesuatu maklumat itu disampaikan kepada penerima sama ada secara bersemuka, melalui telefon, atau sebagainya. Dalam konteks ini cara yang



digunakan oleh pengirim warkah adalah dengan menyampaikan maklumat melalui warkah. Warkah yang ditulis merupakan sebuah teks yang boleh dibaca dan dirujuk.

3.2 Strategi Komunikasi & Kesopanan

Apabila diperkatakan strategi komunikasi, ia mempunyai hubungan yang erat dengan kesopanan kerana sesuatu strategi yang sopan akan digunakan oleh pemeran untuk mencapai sesuatu tujuan. Dengan erti kata lain, dalam strategi komunikasi terdapat ciri-ciri kesopanan yang digunakan oleh pemeran untuk mencapai sesuatu tujuan itu. Bagaimanapun, tidak semua strategi komunikasi itu mempunyai ciri-ciri kesopanan kerana sesetengah strategi digunakan hanya untuk mencapai matlamat tertentu dan kurang mementingkan kesopanan⁴.

Dalam warkah-warkah Melayu lama pengirim akan menggunakan pelbagai strategi komunikasi untuk menandakan kesopanan yang ditunjukkan kepada penerima warkah. Strategi komunikasi yang sering digunakan dalam warkah-warkah Melayu adalah dalam bahagian awal warkah atau lebih dikenali sebagai *pendahuluan warkah, kata ganti nama dan gelaran, dan prapenutup warkah*⁵.

A) Pendahuluan Warkah

Dalam bahagian ini akan terdapat unsur kesopanan yang ketara digunakan oleh seseorang pengirim dengan merendahkan dirinya manakala pihak penerima warkah akan diberikan pelbagai

4 Asmah Haji Omar (1996:93 – 104) menyatakan bahawa tidak semua strategi komunikasi mengandungi ciri kesopanan kerana ada strategi komunikasi yang hanya mementingkan matlamat dan tidak memberikan perhatian kepada aspek kesopanan berbahasa. Menurut beliau lagi, enam faktor yang menandai kesopanan ialah perkaitan peranan, perbezaan taraf sosial, kewujudan kuasa, menjaga air muka, kepatuhan pada tajuk/bidang, dan kepatuhan kepada peraturan.

5 Prapenutup ialah bahagian yang terdapat selepas kandungan warkah. Bahagian ini biasanya memperkatakan secara khusus hadiah yang akan dikirimkan bersama-sama dengan surat yang dihantar oleh pengirim. (Lihat Ab. Razak Ab. Karim, 2006:29)

pujian sehingga ada yang tidak masuk akal bagi kita masyarakat sekarang. Bagaimanapun, perkara ini merupakan suatu yang lumrah bagi masyarakat zaman lampau kerana itulah amalan budaya masyarakat zaman itu. Mereka akan memuji seseorang penerima warkah itu tanpa mengira bangsa, keturunan ataupun agama seseorang penerima warkah itu. Lihat contoh-contoh kesopanan yang digunakan dalam warkah seperti di bawah ini:

- a) ... masyhur sampai di mana-mana.
- b) ... berkuasa di dalam masyrik dan maghrib.
- c) ... kerajaan yang tiada terlihat oleh penglihatan ...
- d) ... masyhur daripada sekalian negeri Melayu.

Walaupun penggunaan kata-kata ini menjadi lumrah dalam warkah-warkah Melayu tetapi ia mempunyai implikasi tertentu kepada penerima warkah. Dengan membaca pendahuluan warkah seseorang penerima warkah dapat menilai sikap dan juga diri pengirim warkah. Ini disebabkan bahagian pendahuluan warkah merupakan bahagian awal yang akan ditatap oleh penerima sebelum kandungan warkah dibaca.

B) Kata Ganti Nama

Penggunaan kata ganti nama dan juga kata gelaran memainkan peranan penting dalam kesopanan berbahasa. Sekiranya penggunaan kata ganti nama atau gelaran tidak betul seseorang itu akan dianggap tidak tahu berbahasa. Dalam konteks masyarakat Melayu klasik, penggunaan kata ganti nama dan gelaran amat penting terutama dalam kalangan golongan atasan. Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap warkah-warkah Melayu lama, kedua-dua aspek ini amat penting kerana ia menjadi ukuran keakraban antara pengirim dan juga penerima warkah. Pemilihan ganti nama yang sesuai dapat diukur daripada darjah kemesraan antara mereka kerana kedua-dua pihak tidak bersemuka⁶.

⁶ Asmah Haji Omar (1982:65 – 70) menyatakan bahawa ganti nama diri manusia boleh dilihat dari segi penggunaannya dalam konteks sosiolinguistik dan konteks nahu. Dalam konteks sosiolinguistik ia meliputi taraf sosial para pengguna bahasa yang terlibat dalam sesuatu peristiwa bahasa.

Dalam warkah-warkah Melayu lama, kata ganti nama yang digunakan dapat dilihat dalam ganti nama diri pertama dan ganti nama diri kedua. Ganti nama diri pertama yang digunakan oleh pengirim warkah ialah:

- i) beta⁷
- ii) hamba⁸
- iii) khadam
- iv) saya/sahaya
- v) kita
- vi) patik

Kata-kata ini digunakan dalam warkah-warkah Melayu untuk menunjukkan kesopanan pengirim kerana konteks sosiolinguistik yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang rapat antara pengirim dan juga penerima warkah. Hubungan yang rapat ini tidak menjadi halangan kepada pihak pengirim untuk menggunakan ganti nama di atas dalam warkah mereka.

Ganti nama diri kedua yang merujuk kepada penerima warkah yang sering digunakan ialah:

- i) tuanku
- ii) sahabat kita/saya/beta
- iii) tuan sultan
- iv) seri paduka
- v) paduka seri tuan

7 Kata ganti nama beta banyak digunakan oleh pengirim warkah yang terdiri bukan sahaja sultan, malah pembesar, saudagar, Raja Muda, Yang Dipertuan Muda dan Raffles. Raffles merupakan satu-satunya pegawai Inggeris yang menggunakan kata ganti nama ini apabila beliau berhubung dengan raja ataupun pembesar Melayu. Ini dapat dilihat dalam warkahnya kepada Sultan Johor pada 19 Disember 1810.

8 Kata hamba pula digunakan oleh pengirim untuk merendahkan dirinya dan dapat dilihat dalam warkah yang dihantar oleh Saudagar Raja Kedah kepada Gurnadur Light (tanpa tarikh).

C) Kata Gelaran

Menurut Asmah Haji Omar (1982:33), kata gelaran dalam masyarakat Melayu yang sering digunakan ialah gelaran keluarga, pergaulan biasa, pergaulan tak bersahaja, warisan, kurniaan, keagamaan, olokan, kegerunan dan gabungan gelaran. Dalam warkah Melayu lama, kata gelaran yang digunakan adalah untuk golongan tertentu seperti gelaran untuk raja/sultan, pembesar-pembesar, pegawai-pegawai Inggeris dan Belanda serta rakyat biasa. Kajian mendapati bahawa *golongan raja* merupakan golongan yang paling banyak menggunakan kata gelaran pada nama mereka. Kata gelaran yang digunakan berbeza-beza berdasarkan tempat seseorang raja itu memerintah. Antara kata gelaran yang digunakan dalam kalangan raja dan juga kerabat mereka adalah seperti yang berikut:

- i) Seri
- ii) Paduka
- iii) Tunku
- iv) Engku
- v) Yang Dipertuan
- vi) Maulana

Sesetengah kata gelaran ini kemudiannya bergabung dengan kata lain tetapi masih mengekalkan gelaran pertama yang digunakan. Bagi golongan raja tambahan kata gelaran merupakan suatu penghormatan bagi mereka kerana semakin banyak kata gelaran yang digunakan semakin hormat orang lain kepada golongan ini. Antara kata gelaran yang mempunyai tambahan kata-kata gelaran lain adalah seperti contoh di bawah:

Seri Sultan
Seri Paduka Sultan
Seri Yang Dipertuan Muda
Seri Paduka Yang Dipertuan Muda
Seri Paduka Pengiran Temenggung Sahibul

Yang Dipertuan
Yang Dipertuan Muda
Yang Dipertuan Paduka Seri
Yang Dipertuan Yang Maha Mulia
Yang Dipertuan Paduka Seri Sultan

Bagi golongan pembesar kata sapaan hormat dan sopan yang sering digunakan ialah kata gelaran Datu, atau Orang Kaya dan diikuti oleh kata nama mereka, misalnya:

Datuk

Datuk **Laila Maharaja**

Datuk **Kelana Putera**

Datuk **Bendahara**

Datuk **Bendahara Muda Negeri Perak**

Orang Kaya

Orang **Kaya Seri Bijawangsia**

Orang **Kaya Maharaja Laila Muda**

Kata gelaran juga digunakan oleh para pegawai British dan juga Belanda yang mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Melayu pada zaman lampau. Pegawai-pegawai Barat yang terkenal dan mempunyai kata gelaran ialah *Raffles*, *Lord Minto*, *Francis Light*, dan *Van der Capellan*. *Raffles* misalnya mempunyai beberapa kata gelaran yang digunakan untuk beliau, antaranya:

Tuan

Tuan Raja

Tuan Berhormat

Tuan Honorable

Tuan Seri Paduka Tuan

Tuan Besar Yang Maha Mulia Seri Paduka Seri Maharaja

Berdasarkan contoh-contoh yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu klasik, penggunaan unsur kesopanan sama ada sebagai kata gelaran ataupun kata ganti nama amat penting. Ini kerana penggunaan kata-kata tersebut menggambarkan nilai kesopanan dan penghormatan yang tinggi digunakan oleh masyarakat zaman itu.

D) Prapenutup Warkah

Dalam bahagian ini kesopanan yang digunakan adalah bertujuan untuk menjaga air muka pihak pengirim kepada pihak penerima warkah. Ini kerana dalam sesuatu komunikasi, seseorang pemeran akan berhati-hati apabila menggunakan bahasa agar tidak berlaku kekasaran bahasa dan menyinggung perasaan orang lain. Dalam usaha menjaga air muka, bahasa yang digunakan mestilah sopan dan tiada unsur bahasa kesat, mencarut, caci maki, dan sebagainya.

Dalam bahagian prapenutup warkah, pengirim akan menggunakan bahasa halus dan unsur menjaga air muka dengan penggunaan kata-kata dalam bahagian ini. Prapenutup ialah bahagian akhir sebelum sesepucuk warkah itu ditamatkan. Ia biasanya berupa beberapa baris ayat yang menyatakan hadiah atau pemberian daripada pengirim warkah kepada penerimanya. Pengirim akan menggunakan bahasa yang cukup sopan dengan merendahkan diri terhadap pemberian hadiah kepada pihak penerima. Pengirim akan meminta pihak penerima tidak memalukan atau menjatuhkan air mukanya dengan hadiah yang diberikan itu. Unsur sopan dalam menjaga air muka berbentuk permintaan yang berterus terang terdapat dalam contoh yang berikut:

- i) *Beta ini duduk dalam hutan tiada apa boleh beta cari. Maka inilah ayam dan buah tembikai dan ubi dan sirih sedikit beta beri pergi tiada sepertinya kerana beta orang miskin. Boleh sahabat beta suruh terima jangan sahabat beta aibkan.*
- ii) *... adalah kita kirimkan bersama-sama surat ini dalam tangan Kapitan Taif berserta satu tombak beremaskan hadiah kita kepada sahabat kita akan tanda hati kita sangat putih lagi ikhlas melainkan jangan sahabat kita ambil kecil hati kerana kita ada satu orang miskin.*

Rumusannya dalam masyarakat Melayu tradisional, unsur kesopanan dalam pelbagai perkara diambil perhatian kerana masyarakat zaman lampau begitu sensitif terhadap perasaan orang lain. Unsur yang menyinggung perasaan orang lain akan diketepikan demi menjaga keharmonian dan hubungan bermasyarakat dalam kalangan mereka.

4.0 Kesopanan Warkah Moden

Apabila memperkatakan warkah-warkah moden banyak perkara yang bermain dalam fikiran kita sekiranya warkah moden dibuat perbandingan dengan warkah-warkah Melayu tradisional. Secara umum memang banyak terdapat perbezaan dan perbezaan yang akan dibincangkan adalah berdasarkan kesopanan yang digunakan dan aspek-aspek lain tidak akan dibincangkan.

Secara umum, binaan warkah klasik dan juga binaan warkah moden tidak banyak perbezaannya. Perbezaan yang paling ketara ialah kurangnya unsur kesopanan dalam surat-surat moden, terutama surat-surat rasmi yang sering kali digunakan dalam segala urusan. Unsur kesopanan kurang tergambar disebabkan oleh banyak faktor yang diberikan perhatian. Dalam zaman moden yang menuntut segala-galanya cepat dan pantas telah menyebabkan unsur ini kurang diberikan perhatian serius walaupun warkah yang dihantar merupakan warkah rasmi, terutama warkah yang berkaitan dengan urusan-urusan pentadbiran. Dengan erti kata lain, kesopanan dalam warkah-warkah ini hanya terdapat dalam bahagian tertentu sahaja, misalnya dalam bahagian penutup warkah sedangkan bahagian-bahagian lain hanyalah maklumat penting yang hendak disampaikan kepada penerima warkah.

Dalam kebanyakan warkah rasmi biasanya dimulakan dengan alamat pengirim warkah, iaitu badan-badan atau agensi/jabatan yang mengirim warkah. Kemudian, komponen seterusnya ialah tajuk atau perkara penting yang ingin dimaklumkan kepada penerima warkah. Tajuk warkah ini mudah, padat dan ringkas tetapi lengkap dengan perkara yang ingin disampaikan kepada penerima. Antara kedua-dua komponen ini tidak terdapat unsur kemesraan sebagai penanda kesopanan kerana perkara penting yang ingin disampaikan adalah isi atau mesej yang terdapat dalam warkah. Kesopanan yang digunakan adalah pada kata gelaran atau pangkat penerima warkah, misalnya kata *puan, tuan, Dr. Encik, Datuk, Datuk Seri*, dan sebagainya. Hanya kata-kata ini sahaja yang berunsur sopan kerana peraturan surat Melayu masih lagi dikekalkan.

Dalam bahagian isi, sesuatu yang diperkatakan atau disampaikan kepada penerima ringkas tanpa penggunaan

bahasa berbunga-bunga. Ini sesuai dengan tuntutan surat rasmi yang tidak perlu menyatakan sesuatu secara berbelit-belit dan lebih bersifat terus terang. Setiap perkara penting yang hendak disampaikan kepada penerima diberikan nombor setiap satunya. Bilangan nombor yang diberikan adalah berdasarkan jumlah isi yang ingin disampaikan kepada penerima.

Kesopanan terakhir dalam warkah moden terdapat dalam bahagian prapenutup warkah. Frasa yang biasa digunakan ialah *sekian terima kasih* dan sering kali frasa-frasa iringan lain digunakan seperti *kerjasama pihak tuan amat kami harapkan, sekian dimaklumkan, sekian untuk makluman pihak tuan, dan perhatian dan sokongan YBhg. Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan, amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.*

5.0 Rumusan

Berdasarkan perbincangan aspek kesopanan antara warkah-warkah Melayu klasik dengan warkah Melayu moden mempunyai perbezaan yang amat jelas. Aspek kesopanan telah banyak ditinggalkan dalam masyarakat moden memandangkan budaya kesopanan kurang dianggap penting oleh mereka. Dalam warkah Melayu klasik pula anggota masyarakatnya lebih memberikan tumpuan pada aspek ini walaupun pengirimnya bukan daripada golongan orang Melayu. Mereka menganggap ia sebagai suatu yang amat penting memandangkan kesopanan merupakan salah satu daripada amalan dan budaya hidup masyarakat zaman lampau.

Kajian juga menunjukkan bahawa unsur kesopanan dalam kalangan masyarakat kini semakin dipinggirkan oleh anggota masyarakat Melayu sendiri memandangkan tuntutan hidup, terutama di bandar-bandar besar yang lebih mementingkan kebendaan. Oleh yang demikian, budaya ini semakin dipinggirkan dan menyebabkan surat-surat Melayu yang dihantar kurang menitikberatkan aspek ini.

Bibliografi

- Ab. Razak Ab. Karim, 2006. *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 2002. *Aspek Penggunaan Bahasa dalam Warkah-warkah Melayu Lama: Satu Kajian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 1996. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gallop, Annabel T., 1994. *The Legacy of the Malay Letter*. London: British Library/ Arkib Negara Malaysia.
- Hymes, D. 1972. "Model of Interaction of Language and Social Life" dlm. J.J. Gumperz dan Dell Hymes, *Directions in Sociolinguistics*. New York: Holt Reinhart and Winston Inc.
- _____, 1974. *Foundations in Sociolinguistic*. Philadelphia: University of Pennsylvania.
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba), 1965. *Ilmu Mengarang Melayu (cetak ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

